

Aktiviti 2

Baca, fahami dan kenal pasti idea keseluruhan.

Nilai Hadiah Seha

Keluarga Seha mengadakan Hari Keluarga setiap tahun. Acara kemuncaknya ialah acara bertukar-tukar hadiah. Acara ini dinanti-nantikan oleh setiap ahli keluarga.

Seha mahu memberikan hadiah yang terbaik kepada ibu bapanya. Dia hendak menghargai jasa mereka. Namun, Seha tidak mempunyai wang yang banyak.

Idea Utama	Idea Sampingan
1.	Acara kemuncak ialah acara bertukar-tukar hadiah.
2. Ingin berikan hadiah	

Dia meminta izin daripada ayahnya untuk menggunakan wang di dalam tabungnya. Dia membeli sebungkus biskut. Dia membungkus biskut itu di dalam sebuah kotak. Kotak itu diikatnya dengan reben yang cantik.

“Maaf, ibu dan ayah. Hanya ini hadiah yang saya mampu berikan kepada ibu dan ayah,” kata Seha sambil mencium dan memeluk ibu bapanya.

Idea Utama	Idea Sampingan
3.	Membeli sebungkus biskut sebagai hadiah.
4.	

“Terima kasih, Seha. Nilai hadiah tidak penting. Yang penting ialah nilai kasih sayang Seha terhadap ibu dan ayah,” jawab ibu bapanya serentak.

Idea Utama	Idea Sampingan
5. Ibu bapa Seha ucap terima kasih	

Idea Keseluruhan

Jawapan	
Nilai kasih sayang Seha terhadap ibu bapa lebih penting dari hadiah.	Hari keluarga Seha
Seha tidak cukup wang untuk membeli hadiah.	Seha mencium dan memeluk ibu bapanya.
Memberi hadiah kepada ibu dan ayah	Minta izin menggunakan wang tabung.